



**JABATAN MUZIUM MALAYSIA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PROGRAM CITRA NUSA@MUZIUM: *ASEAN NATIVES AND
INDIGENOUS FESTIVAL 2025***

9 OGOS 2025 (SABTU)

2.00 PETANG

**DATARAN MUZIUM NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

**Disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Muzium Malaysia atas penganjuran **Program Citra Nusa@Muzium: ASEAN Natives and Indigenous Festival 2025** yang sangat bermakna ini.
2. Inisiatif menganjurkan program ini amat signifikan kerana **berjaya menghimpunkan komuniti Orang Asal dan peribumi dari seluruh negara, di samping menonjolkan keunikan budaya komuniti peribumi dari negara-negara jiran di ASEAN seperti Thailand, Indonesia dan Filipina dalam satu platform bersama yang berteraskan kebudayaan dan kesenian.**
3. **Malaysia sebagai sebuah negara majmuk sentiasa menekankan kepentingan pemeliharaan warisan budaya, khususnya warisan masyarakat peribumi dan Orang Asal yang menjadi khazanah tidak ternilai kepada negara dan rantau ini.**

4. Untuk makluman hadirin, berdasarkan data terkini daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan laporan antarabangsa, komuniti Orang Asli dan peribumi membentuk sebahagian besar penduduk di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
5. Di **Sabah**, daripada kira-kira **3.81 juta** penduduk, lebih **2.23 juta** merupakan penduduk asal atau anak negeri Sabah, termasuk etnik **Kadazan-Dusun**, **Bajau**, dan **Murut**, menjadikan mereka sekitar **59%** daripada jumlah penduduk negeri.
6. Manakala di **Sarawak**, daripada **2.71 juta** penduduk, lebih **1.93 juta** adalah daripada komuniti peribumi seperti **Iban**, **Bidayuh**, dan **Melanau**, iaitu sekitar **71%** daripada populasi negeri.
7. Sementara itu, komuniti **Orang Asli di Semenanjung Malaysia** pula berjumlah sekitar **217,000 orang**, yang terdiri daripada tiga kumpulan utama iaitu **Senoi**, **Melayu Proto**, dan **Negrito**, mengikut data terkini Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sehingga tahun 2023.
8. Statistik ini jelas membuktikan bahawa masyarakat peribumi bukan sahaja merupakan kelompok penting dalam struktur demografi negara, malah memainkan peranan besar dalam membentuk identiti budaya dan sejarah Malaysia. Justeru,

usaha untuk mengiktiraf, melindungi, dan memperkasakan komuniti peribumi perlu dilaksanakan secara berterusan dan inklusif.

9. Kementerian Perpaduan Negara komited untuk memastikan suara masyarakat peribumi terus diberi ruang dan perhatian dalam agenda perpaduan nasional, seiring dengan prinsip keadilan sosial dan pengiktirafan kepada warisan budaya yang pelbagai.

PROGRAM CITRA NUSA@MUZIUM: ASEAN NATIVES AND INDIGENOUS FESTIVAL 2025

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Penganjuran **Citra Nusa@Muzium: ASEAN Natives and Indigenous Festival 2025** ini amat bertepatan dengan tema Kementerian Perpaduan Negara bagi tahun 2025, iaitu ***Harmoni dalam Kepelbagaian***. Para pengunjung berpeluang menyaksikan kepelbagaian budaya, seni dan warisan masyarakat Orang Asli dan peribumi dari pelbagai negara ASEAN, yang diketengahkan menerusi pelbagai aktiviti kebudayaan dan kesenian.

11.Saya percaya program seperti ini memberi nilai tambah yang besar kepada institusi muzium sebagai platform arus perdana dalam **memperkasakan naratif kepelbagaian dan warisan negara**. Ia bukan sahaja menyemarakkan semangat **perpaduan dan patriotisme**, malah mampu menyuburkan penghayatan masyarakat terhadap kekayaan budaya, sejarah dan alam semula jadi yang menjadi identiti nasional kita bersama.

12.Dalam konteks sambutan **Hari Orang Asli Sedunia**, pelaksanaan program ini memberi **makna yang lebih mendalam** terhadap usaha memperkasa komuniti peribumi, khususnya dalam aspek **keadilan sosial, pengiktirafan budaya, dan pemeliharaan identiti komuniti minoriti**. Ini sekali gus memperlihatkan keprihatinan Malaysia dalam memperjuangkan hak dan suara komuniti peribumi bukan sahaja di peringkat nasional, tetapi juga dalam ruang serantau dan global.

13.Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru agar **Jabatan Muzium Malaysia terus memperkasakan peranan Muzium Adat di Negeri Sembilan**, agar ia dapat mengorak langkah lebih jauh sebagai **pusat rujukan dan peneraju dalam mempromosikan kepelbagaian warisan adat serta budaya etnik-etnik di Malaysia**.

14. **Muzium ini mempunyai potensi besar untuk menjadi medan penceritaan yang inklusif, khususnya dalam mengetengahkan warisan adat etnik minoriti seperti komuniti Orang Asli dan kumpulan peribumi lain yang sering terpinggir dalam arus naratif kebangsaan.**

15. **Pemeriksaan ini boleh direalisasikan melalui pendekatan lebih proaktif dalam memperluas koleksi, memperkukuh program pendidikan, serta menjalin kerjasama strategik bersama institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti tempatan.**

16. **Saya yakin, dengan usaha berterusan, Muzium Adat bukan sahaja mampu memperkaya kefahaman masyarakat terhadap kekayaan adat dan nilai budaya, malah memainkan peranan penting dalam menyemai semangat perpaduan berasaskan saling hormat dan penerimaan terhadap kepelbagaian yang menjadi teras negara kita.**

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

17. **Akhir kata, saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat daripada peringkat perancang, penggiat seni budaya, delegasi ASEAN, masyarakat Orang Asli, serta para pengunjung yang hadir memeriahkan program ini.**

18. Semoga segala usaha kita akan terus mengukuhkan semangat ASEAN yang bersatu dalam kepelbagaian, dan menyuburkan semangat perpaduan Malaysia MADANI yang menghormati setiap identiti budaya sebagai aset negara.

19. Saya dengan ini berbesar hati merasmikan **Program Citra Nusa@Muzium: *Asean Natives and Indigenous Festival* 2025.**

Sekian, terima kasih.